

**SKEMA TASAWWUR ISLAM
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2026
NEGERI MELAKA**

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN
1	Iman
2	Rasul
3	Tabarru'
4	Qazaf
5	Wahyu
6	Ujian
7	Ibadat
8	Judi
9	Qadar
10	Qadak
11	Al-Ijmak / al-Qias
12	Al-Ijmak / al-Qias
13	Nutfah / Concentration / Sperma+Ovum
14	Mudghah / Embrio / Seketul Daging
15	Adil / Sempurna Pancaindera
16	Adil / Sempurna Pancaindera
17	X
18	X
19	✓
20	✓

BAHAGIAN B

1	(a)	(i)	<u>Maksud akidah</u> Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT / serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya (1m) berdasarkan dalil naqli dan aqli (1m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<u>Dua amalan yg dpt membuktikan pegangan akidah yg benar</u> - Memohon perlindungan hanya kepada Allah SWT (1m) - Bersyukur apabila beroleh kejayaan dalam kehidupan (1m) - Sentiasa ikhlas dalam amalan (1m) - Menjauhi fahaman yg menyeleweng daripada ajaran Islam (1m) - Reda dengan ketentuan Allah SWT (1m) - Menjauhi amalan tilik nasib / ramalan bintang kelahiran (1m)	2 isi x 1m = 2m
	(b)	(i)	<u>Dua faktor berlakunya gejala tersebut (buli siber)</u> - Masalah psikologi / emosi / stres / trauma / pernah jadi mangsa buli - Kurang rasa empati - Anonimiti internet / bersembunyi dibalik identiti palsu - Dinamika kelompok / keinginan diri untuk mendapat perhatian daripada kelompok tersebut - Algoritma media sosial / mempromosi kandungan/content negatif/kontroversi untuk meraih banyak perhatian - Lemah iman - Kurang didikan agama - Tiada penguatkuasaan undang-undang yang tegas - Ibu bapa tidak beri perhatian - Sifat mementingkan diri sendiri - Pengaruh rakan sebaya - Pengaruh media massa/persekitaran Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<u>Bagaimana sifat ihsan dapat mengawal gejala tersebut</u> <u>Cadangan jawapan:</u> Ihsan akan membuatkan seseorang itu takut untuk melakukan kemungkaran/jenayah/buli (1m) kerana merasakan diri sentiasa dilihat/diperhati/diawasi oleh Allah SWT (1m). Hal ini dapat mengurangkan/mencegah kes berkaitan buli daripada terus berleluasa (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa meningkatkan ilmu agama/iman dalam diri agar menjadi pelajar yang baik (1m). Mana-mana jawapan munasabah diterima	4m I H1 H2 K

(c)	(i)	<u>Dua jenis sistem ekonomi konvensional selain daripada sistem ekonomi komunis</u> - Sistem ekonomi kapitalis - Sistem ekonomi sosialis - Sistem ekonomi campuran	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	<u>Dua sebab Islam melarang umatnya terlibat dalam sistem ekonomi komunis</u> - Tidak selaras dengan tuntutan syariat (1m) yang mengiktiraf hak individu dan masyarakat secara seimbang (1m) - Segala keputusan ekonomi dibuat oleh pemerintah (1m) kerana menggalakkan pergantungan sepenuhnya kepada kerajaan (1m) - Semuanya diserahkan dan dimiliknegerakan secara total (1m) kerana menolak konsep pemilikan harta individu yang diiktiraf Islam (1m) - Pemilikan individu ke atas faktor pengeluaran harta dihapuskan (1m) kerana bertentangan dengan prinsip keadilan Islam dalam Ekonomi (1m) - Boleh melemahkan motivasi untuk berusaha dan mencari rezeki secara halal (1m) kerana hak pemilikan dinafikan (1m)	2 isi x 2m = 4m
(d)		<u>Dua kesan pengabaian sistem ekonomi Islam dalam kehidupan</u> - Matlamat negara yang baik tidak akan tercapai (1m) kerana tidak mendapat pengampunan Allah SWT (1m) - Amalan riba berleluasa (1m) yang menyebabkan golongan kaya semakin kaya, orang miskin tertindas (1m) - Nilai moral terhakis (1m) kerana gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi berleluasa (1m) - Pengagihan harta secara tidak adil (1m) kerana harta tertumpu pada kelompok atasan sahaja (1m) - Ekonomi negara akan hancur (1m) kerana keharmonian masyarakat terjejas (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m

2	(a)	(i)	<u>Maksud alam barzakh</u> - Alam yang memisahkan antara alam dunia dgn alam akhirat (2m) - Alam yang menjadi tempat persinggahan sementara menunggu hari kiamat sesudah kematian (2m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<u>Dua perkara yang akan dilalui oleh manusia di alam barzakh.</u> - Pertanyaan munkar dan nakir (1m) - Azab dan nikmat kubur (1m)	2 isi x 1m = 2m
	(b)		<u>Dua tindakan yang perlu dilakukan untuk menjaga fitrah kejadian insan</u> - Sentiasa menjaga akhlak dan tingkah laku (1m) agar bersesuaian dengan syariat Islam (1m) - Menjalin hubungan baik dengan Allah SWT (1m) melalui ibadah kepada-Nya (1m) - Berusaha menjadikan keluarga yang dibina atas dasar ketaqwaan (1m) agar hidup Bahagia (1m) - Membimbing/membantu/mengambil berat rakan-rakan (1m) agar mereka sentiasa positif melakukan kebaikan (1m) - Melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab (1m) agar dihormati orang lain (1m) - Berlaku adil (1m) agar tiada pihak teraniaya (1m) - Menjauhi kezaliman (1m) agar hidup diberkati (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	<u>Maksud sistem perundangan Islam</u> Hukum-hukum yang ditetapkan Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan (1m) sama ada berkaitan akidah/ ibadah/ akhlak/ muamalat/ munakahat utk kebahagiaan dunia akhirat (1m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<u>Dua cara perundangan Islam memelihara agama</u> - Menyuruh umatnya patuh kepada perintah Allah SWT (1m) supaya hidup diberkati (1m) - Menyuruh umatnya menjauhi larangan Allah SWT (1m) untuk mengelakkan dosa (1m) - Melarang perbuatan syirik (1m) supaya akidah terpelihara (1m) - Mensyariatkan hukuman yang tegas kepada orang murtad (1m) supaya agama tidak tercemar (1m)	2 isi x 2m = 4m
	(d)	(i)	<u>Jenis hukuman jenayah</u> - Sebat 100 kali sekiranya belum berkahwin - Rejam sampai mati sekiranya telah berkahwin	1 isi x 1m = 1m

		(ii) <u>Kemungkinan yang akan berlaku terhadap masyarakat sekiranya pelaksanaan hukuman di atas diabaikan</u> <u>Cadangan jawapan:</u> Gejala maksiat akan berleluasa dalam kalangan masyarakat (1m) seperti melakukan zina tanpa ada rasa bersalah (1m). Hal ini kerana tiada hukuman tegas ke atas mereka (1m) yang akan menyebabkan berlakunya kelahiran anak luar nikah tanpa kawalan (1m) sehingga boleh mencemarkan nasab keturunan manusia (1m). Kesimpulannya kita perlu berganding bahu membenters kemungkaran daripada terus berlaku agar hidup dirahmati Allah SWT (1m). <u>Cadangan isi lain:</u> - Gejala zina/ maksiat/ kemungkaran akan berleluasa - Berlaku keruntuhan akhlak umat Islam - Institusi kekeluargaan umat islam akan rosak - Berlaku penyakit sosial/ penyakit berjangkit dalam masyarakat - Nasab keturunan menjadi tidak jelas - Meningkatkan masalah jenayah sosial - Mengundang kemurkaan Allah SWT - Menjaga kesucian agama Islam	5m I H1 H2 H3 K
--	--	---	---

3	(a)	<u>Empat rukun nikah</u> - Bakal suami - Bakal isteri - Wali - Dua orang saksi - Akad (ijab dan qabul)	4 isi x 1m = 4m
	(b)	(i) <u>Ibadah yang dinyatakan di dalam gambar</u> Solat berjemaah	1m
		(ii) <u>Ibadah di atas boleh membina sebuah keluarga yang bahagia. Berikan hujah anda</u> <u>Cadangan jawapan:</u> Dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan (1m) kerana ahli keluarga dapat berkumpul dan berinteraksi bersama ketika menunaikan solat berjemaah (1m). Hal ini dapat mewujudkan suasana kasih sayang, hormat-menghormati dan saling mengambil berat antara ahli keluarga (1m). Kesannya, keluarga akan hidup dalam keadaan harmoni, bahagia dan sentiasa mendapat rahmat Allah SWT (1m). Kesimpulannya, umat Islam hendaklah membiasakan amalan solat berjemaah supaya dapat melahirkan keluarga sakinah dan diredhai Allah SWT (1m). <u>Cadangan isi lain:</u> - Solat berjemaah dapat mendidik ahli keluarga berdisiplin - Solat berjemaah dapat meningkatkan keimanan ahli keluarga - Solat berjemaah dapat memupuk sikap kerjasama dalam keluarga - Solat berjemaah dpt menggalakkan ibadah berdoa bersama-sama <u>Mana-mana jawapan munasabah diterima</u>	5m I H1 H2 H3 K
	(c)	(i) <u>Maksud pengurusan dalam Islam</u> Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam (1m) untuk kebajikan manusia (1m)	1 isi x 2m = 2m

	(ii)	<u>Dua asas pentadbiran dan pengurusan pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.</u> - Sesuatu dasar diputuskan melalui kaedah syura (1m) iaitu keputusan yang dibuat berdasarkan suara majoriti (1m) - Khalifah berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan (1m) yang merupakan panglima tertinggi dlm pentadbiran (1m) - Pentadbiran di setiap wilayah diketuai oleh gabenor (1m) yang dibantu oleh setiausaha dan pegawai tertentu (1m) - Institusi baitulmal didirikan pada peringkat pusat dan di setiap wilayah (1m) bagi mengendalikan urusan kewangan (1m)	2 isi x 2m = 4m
	(d)	<u>Dua cara untuk merealisasikan tadbir urus Islam dalam organisasi</u> - Mengadakan mesyuarat (1m) dalam segala urusan (1m) - Menjaga kebajikan setiap pekerja (1m) agar harmoni (1m) - Memberi kerjasama dalam menyelesaikan tugas (1m) supaya berjalan lancar (1m) - Memberi penghargaan kepada staf cemerlang (1m) supaya rasa dihargai (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m

4	(a)	(i)	<u>Maksud akhlak</u> Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan / perlakuan (1m) tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam (1m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<u>Dua contoh akhlak mahmudah</u> - Reda - Bersyukur - Menghormati orang lain - Amanah - Menjaga kebersihan - Memelihara alam sekitar Semua contoh akhlak mahmudah yang lain diterima	2 isi x 1m = 2m
	(b)	(i)	<u>Maksud murunah</u> - Boleh berubah mengikut kesesuaian (1m) namun masih tetap pada prinsip asasnya (1m) - Luwes / Anjal (1m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<u>Dua kelebihan prinsip murunah dalam beribadah</u> - Menunjukkan sifat Islam yang bertolak ansur/mudah/berhikmah (1m) kerana tidak membebankan umatnya dengan kesukaran yang melampau (1m) - Membolehkan umat Islam terus mentaati dan melaksanakan perintah Allah SWT dengan sempurna (1m) walaupun berada dalam situasi yang sukar, seperti ketika bermusafir/sakit (1m) - Keindahan dan kemudahan yang ditonjolkan melalui konsep ini dapat menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam (1m) dengan lebih mendalam (1m) - Dapat dilaksanakan mengikut keadaan/kemampuan seseorang (1m) mengikut situasi yang berlaku (1m) - Dapat melaksanakan ibadah dalam apa jua keadaan (1m) walaupun sedang mengalami kecederaan (1m) - Dapat memberi kemudahan kepada setiap orang untuk beribadah (1m) seperti menunaikan solat jamak ketika bermusafir (1m) - Boleh menunaikan solat secara qasar/jamak/jamak qasar (1m) ketika bermusafir (1m) - Boleh bertayamum menggantikan wuduk (1m) sekiranya mengalami kecederaan yang tidak boleh kena air (1m) - Boleh berfesyen (1m) asalkan menutup aurat (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m

	(c)	<u>Dua peranan pusat zakat</u> - Mengutip zakat (1m) daripada pembayar zakat (1m) - Mengagihkan zakat (1m) secara efisien/adil kpd asnaf zakat (1m)	2 isi x 2m = 4m
	(d)	(i) <u>Jenis muamalat</u> Takaful / Insurans Islam	1m
		(ii) <u>Kelebihan mengamalkan jenis muamalat tersebut dalam kehidupan individu</u> <u>Cadangan jawapan:</u> Membantu individu yang dalam kesusahan (1m). Sebagai contoh, orang yang terlibat dalam kemalangan dan mengalami kerosakan harta benda (1m). Mereka boleh membuat tuntutan dengan pihak takaful untuk menanggung kos membaiki harta benda mereka (1m). Kesannya, kehidupan individu dapat diringankan bebannya (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan muamalat Islam seperti takaful supaya kehidupan kita lebih mudah (1m). <u>Cadangan isi lain:</u> - Memberi perlindungan kepada diri dan keluarga - Persediaan menghadapi sebarang risiko - Memberi peluang untuk menjalani hidup yang lebih tenang Mana-mana jawapan munasabah diterima	5m I H1 H2 H3 K

5	(a)	(i)	<u>Maksud akal</u> Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT (1m) kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan (1m)	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<u>Dua kedudukan akal kepada manusia</u> - Kurniaan Allah SWT yang paling istimewa kepada manusia (1m) berbanding makhluk yang lain (1m) - Membantu memahami kandungan wahyu (1m) agar lebih memahami syariat (1m) - Menjadi syarat dalam mempelajari ilmu (1m) seperti ilmu fardu 'ain/fardu kifayah (1m) - Menjadi syarat penerimaan taklif syariat Islamiah (1m) bagi manusia yang sempurna akal (1m) - Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu (1m) seperti perkara ghaib (1m)	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	<u>Sebab masih terdapat segelintir umat Islam yang terlibat dengan pesta arak walaupun mereka tahu tentang pengharaman tersebut</u> <u>Cadangan jawapan:</u> Iman yang lemah (1m) kerana kurang penghayatan agama (1m) menyebabkan mudah terpengaruh dengan ajakan rakan untuk minum arak (1m). Kesannya mereka lalai/lupa akan larangan Allah SWT (1m) sehingga mengabaikan dosa/pahala serta halal/haram sesuatu tindakan/perbuatan (1m). Oleh itu, umat Islam hendaklah menjauhi arak agar hidup diberkati oleh Allah SWT (1m). <u>Cadangan isi lain:</u> - Kurang didikan agama / jahil - Tiada penguatkuasaan undang-undang - Pengaruh rakan sebaya - Terpengaruh dengan kemewahan hidup di dunia Mana-mana jawapan munasabah diterima	4m I H1 H2 K

	(ii)	<u>Dua perkara yang boleh merosakkan akal selain daripada minum arak:</u> - Penyalahgunaan dadah/syabu/gam - Membaca/menonton bahan-bahan lucah - Memikirkan zat Allah SWT - Ketagihan judi yang melampau - Pendedahan berlebihan kepada maklumat palsu/siber	2 isi x 1m = 2m
	(c)	<u>Dua matlamat sistem kehakiman Islam</u> - Menegakkan keadilan - Menentang kezaliman - Membela orang yang dizalimi	2 isi x 1m = 2m
	(d) (i)	<u>Maksud diat</u> Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dibunuh (1m) sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan (1m)	1 isi x 2m = 2m
	(ii)	<u>Dua kepentingan diat</u> - Pembelaan Waris Mangsa (1m) kerana menyediakan pampasan kewangan bagi menyara keluarga yang hilang tempat bergantung akibat kehilangan nyawa atau menanggung kos kecacatan (1m) - Mengelakkan pertumpahan darah/balas dendam/jenayah (1m) antara keluarga mangsa dan pesalah melalui pemberian kemaafan (1m) - Membuktikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan memastikan tiada pihak terabai akibat perbuatan jenayah yang tidak disengajakan (1m) seperti kemalangan jalan raya (1m) - Memberi kesedaran/pengajaran/didikan kepada pesalah (1m) melalui bebanan denda harta (1m) - Mendidik masyarakat menghargai nyawa/anggota tubuh badan (1m) supaya hidup harmoni (1m) - Mewujudkan keamanan/kesejahteraan dalam diat (1m) kerana tiada unsur dendam (1m) - Menegakkan amar makruf dalam masyarakat (1m) agar keadilan terjaga (1m) - Mewujudkan keadilan sejagat (1m) agar negara aman (1m)	2 isi x 2m = 4m

6	(a)	(i)	<u>Dua asas pergaulan dalam Islam selain ta'aruf</u> - Tafahum / Saling Memahami - Ta'awun / Saling Bekerjasama	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<u>Dua adab pergaulan dalam keluarga menurut perspektif Islam</u> - Menjaga tutur kata (1m) supaya tidak menyakiti hati ahli keluarga (1m) - Berlaku adil/ihsan terhadap semua ahli keluarga (1m) agar tidak timbul pergaduhan (1m) - Menjaga batasan aurat sesama ahli keluarga (1m) agar maruah terpelihara/tidak berlaku maksiat (1m) - Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dengan perempuan (1m) agar terhindar daripada maksiat/sumbang mahram (1m) - Menghormati/tidak menghina (1m) supaya menjaga keharmonian dalam keluarga (1m) - Bersangka baik sesama ahli keluarga (1m) supaya tidak berlaku permusuhan/pergaduhan/salah faham dalam keluarga (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m
	(b)		<u>Sebagai seorang penganjur acara hiburan, empat garis panduan yang patut dipatuhi semasa penganjuran bersesuaian dengan syarak</u> - Bertujuan untuk perkara kebaikan (1m) - Betulkan niat mengadakan program untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (1m) - Program hendaklah mendapat kelulusan drp pihak berkuasa (1m) - Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat (1m) - Tiada pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan (1m) - Lirik lagu yang tidak bercanggah dengan hukum syarak (1m) - Gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat (1m) - Menghormati waktu solat (1m) - Amanah terhadap wang yang dikumpulkan daripada program tersebut (1m) - Memastikan kemudahan awam mencukupi untuk keselesaan hadirin (1m) Mana-mana jawapan munasabah diterima	4 isi x 1m = 4m

	(c)	<u>Amalan syura yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam peristiwa Perang Badar dan Perang Uhud</u> - Rasulullah SAW berbincang dengan para sahabat berkaitan dengan isu tawanan Perang Badar (1m) dan telah mengikut pandangan majoriti sahabat yang menyatakan supaya tidak dibunuh tawanan perang ketika itu (1m) - Sebelum Perang Uhud, Rasulullah SAW bermesyuarat dengan para sahabat untuk memilih lokasi peperangan sama ada berlaku di dalam atau di luar kota Madinah (1m) dan Rasulullah SAW telah menerima pendapat para sahabat dan memutuskan agar peperangan dilakukan di luar kota Madinah (1m)	2 isi x 2m = 4m
	(d) (i)	<u>Bagaimanakah prinsip bertoleransi dalam Piagam Madinah boleh diaplikasikan untuk mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia pada masa kini?</u> <u>Cadangan jawapan:</u> Menjamin kebebasan beragama kepada semua kaum (1m) kerana setiap kaum bebas mengamalkan adat/budaya masing-masing tanpa sekatan (1m). Hal ini menunjukkan rakyat Malaysia saling menghormati perayaan kaum lain seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, dan Deepavali (1m) Kesannya, rusuhan kaum dapat dielakkan sekaligus mewujudkan negara yang aman dan stabil (1m) Kesimpulannya masyarakat Malaysia hendaklah bersatu padu demi kemakmuran negara (1m). <u>Cadangan Isi lain:</u> - Setiap kaum diberikan hak masing-masing dari segi ekonomi, politik dan sosial - Mengamalkan prinsip keadilan undang-undang tanpa mengira kaum atau agama - Menghormati kebebasan mengamalkan budaya dan adat resam masing-masing - Bersama-sama memikul tanggungjawab mempertahankan keselamatan negara daripada ancaman luar	4m I H1 H2 K
	(ii)	<u>Dua kumpulan utama masyarakat yang mengikat perjanjian di bawah perundangan Piagam Madinah</u> - Kaum Muhajirin - Kaum Ansar - Kaum Yahudi (Bani Qainuqa' / Bani Nadhir / Bani Quraizah) - Kaum Musyrikin Madinah	2 isi x 1m = 2m